

15 JUN 2001

Rafidah-Wanita

WANITA BAWA DUA USUL KE PERHIMPUNAN AGUNG UMNO RABU INI

KUALA LUMPUR, 15 Jun (Bernama) -- Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini berkata pergerakan itu akan mengemukakan dua usul pada Perhimpunan Agung Umno yang bermula Rabu ini.

Usul pertama bertemakan "Peranan Wanita Dalam Pembangunan Negara" yang merangkumi semua isu utama seperti perjuangan Umno, ekonomi, sosial, agama, dan politik.

Wanita juga akan membawa usul membahaskan ucapan perasmian Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan agung itu, katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pergerakan Wanita Umno di ibu pejabat Umno di sini.

Perhimpunan Agung Umno kali ini akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini pada 21 hingga 23 Jun. Persidangan Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno akan diadakan serentak sehari sebelum Perhimpunan Agung Umno itu.

Menurut Rafidah, seramai 635 anggota perwakilan Wanita dijangka hadir pada persidangan Wanita Umno.

Menyentuh isu pergerakan itu, Rafidah berkata beliau tidak bercadang membuat sebarang perubahan dalam struktur jawatankuasa pergerakan itu sama ada di peringkat exco ataupun peringkat negeri.

Bagaimanapun pemimpin-pemimpin Wanita di peringkat negeri bebas membuat perubahan sekiranya dianggap wajar untuk berbuat demikian, katanya.

Sebagai contoh perubahan tentulah perlu dilakukan sekiranya ada anggota jawatankuasa Wanita negeri yang berpindah, uzur ataupun mengalami masalah kesihatan lain yang tidak membolehkan mereka terus aktif dalam pergerakan.

"Kalau mereka hendak tukar mana-mana penjawat jawatan yang uzur atau telah berpindah dalam pergerakan Wanita di peringkat negeri itu mereka boleh berbuat demikian, tapi yang mana patut dikekalkan, akan dikekalkan," katanya.

-- BERNAMA

NHA ZAI ES RON